

Dasar HANRUH di Malaysia

Oleh AZMI HASSAN

BUKAN satu perkara yang memeranjatkan apabila Menteri Mentor Lee Kuan Yew menyifatkan Singapura sebagai negara yang begitu istimewa berbanding dengan negara lain. Malah beliau bukan sahaja membandingkan Singapura dengan negara berdekatan seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand tetapi berani mempertaruhkan Singapura adalah jauh lebih baik daripada Australia, New Zealand dan Denmark.

Ada yang mengaitkan kenyataan angkuh Kuan Yew tersebut hanyalah untuk tatapan rakyat Singapura sahaja dan ada kena-mengena dengan tindakan kerajaan pimpinan Lee Hsien Loong baru-baru ini yang menaikkan gaji menteri kabinetnya daripada S\$1.2 juta kepada S\$1.6 juta setahun. Sebab itu beliau menekankan istimewanya Singapura adalah kerana republik itu mempunyai 'satu kerajaan? Bergred tinggi', 'yang berupaya dan berintegriti. 'Kerajaan Singapura yang bergred tinggi' menurut Kuan Yew sentiasa melihat dan merancang jauh ke hadapan.

Tidak ramai pemimpin dunia yang tergamak memperkatakan sesuatu mirip dengan kenyataan Kuan Yew secara terbuka walaupun negara tersebut berada jauh di hadapan dari segi taraf sosial, ekonomi atau politik. Hanya pemimpin Singapura yang tergamak kerana itulah strategi pemerintahan yang telah diamalkan buat sekian lama. Bentuk kenyataan Kuan Yew bukanlah satu perkara yang baru tetapi sebenarnya mempamerkan pengamalan kepimpinan yang dipanggil pertahanan menyeluruh atau lebih dikenali dengan nama singkatannya, iaitu HANRUH.

Walaupun konsep HANRUH telah lama diamalkan oleh negara lain seperti Sweden dan Denmark tetapi HANRUH Singapura mempunyai ciri-ciri yang begitu unik sehinggakan memberi kesan yang amat ketara terhadap negara jiran, termasuk Malaysia. Uniknya HANRUH Singapura adalah kerana kerajaan republik ini telah berjaya menerapkan kepercayaan kepada rakyat mereka bahawa setiap isu yang dihadapi mereka berkait rapat dengan kedaulatan dan kemerdekaan Singapura.

Rakyat Singapura tidak begitu mengendahkan 'gelaran kiasu' yang dilemparkan kerana sifat sebegini amat bertepatan dengan strategi HANRUH Singapura. Sebab itu mesej Kuan Yew walaupun dilihat begitu aneh dan ka-

dang-kala angkuh tetapi amat berkesan sekali untuk rakyat Singapura. Pendekatan yang telah digunakan oleh Kuan Yew jika diamalkan di Malaysia, akan kelihatan begitu janggal sekali kerana rakyat negara ini tidak terdedah dengan konsep HANRUH.

Rakyat republik Singapura telah didedahkan dengan strategi HANRUH semenjak tahun 1984 lagi. Malah pada 15 Februari setiap tahun hari HANRUH Singapura diraikan untuk memberi peringatan kepada rakyat mereka supaya sentiasa bersedia menghadapi cabaran dalam bentuk kedaulatan dan kemerdekaan negara mereka.

Sebab itu apabila setiap isu yang timbul tidak kira jika ia membabitkan masalah ekonomi, sosial, politik atau pertahanan, pihak pemerintah Singapura begitu mudah mewarnai persepsi rakyat mereka kerana pengaruh strategi HANRUH telah bertapak di setiap rakyat mereka buat sekian lama.


Isu bekalan pasir dan granit yang sedang dihadapi oleh Singapura dan Indonesia amat menarik dibuat analogi pengaruh konsep HANRUH. Rakyat kedua-dua negara tersebut telah menilai isu terbabit dari sudut yang jauh berbeza walaupun perkara yang dibincangkan adalah perkara yang serupa. Walaupun Indonesia juga mengamalkan konsep HANRUH yang tersendiri, tetapi pendekatan HANRUH Singapura yang sedemikian rupa telah membuah kan perbezaan yang begitu ketara sekali.

Begitu juga dengan isu Pulau Batu Putih atau penetapan harga air kemungkinan besar telah dinilai secara berbeza oleh rakyat Malaysia dan Singapura. Malaysia pada dasarnya yang tidak mempraktikkan konsep HANRUH menilai isu penetapan harga bekalan air umpamanya dari sudut yang jauh berbeza bagaimana rakyat Singapura menilai masalah tersebut.

Malah tidak keterlaluan jika dibuat andaian bahawa jika timbul setiap isu yang melibatkan Singapura, maka persepsi rakyat mereka adalah semua ini berkaitan dengan cabaran kemerdekaan dan kedaulatan negara mereka. Begitu hebatnya kesan dan peranan yang dipikul oleh HANRUH Singapura.

Ungkapan 'titik merah kecil' yang pernah diucapkan oleh bekas Presiden Indonesia B.J. Habibie pada tahun 1998 begitu menghantui rakyat Singapura kerana ungkapan ini sengaja dilafazkan untuk memperlekehkan Singapura sebagai negara kecil yang dikelilingi oleh

Um - 5/5/2007



LEE Kuan Yew berucap di hadapan para peserta dialog Arab dan Asia di Singapura, baru-baru ini.

- AP

negara yang lebih besar seperti Malaysia dan Indonesia. Kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin dari negara yang mempunyai penduduk puluhan kali ganda berbanding Singapura ini sudah pasti memberi kesan mendalam kepada rakyat Singapura.

Hsien Loong yang pada ketika itu Timbalan Perdana Menteri Singapura pernah menyuarakan bahawa kenyataan sedemikian rupa telah menjadi stigma kepada rakyat Singapura yang mempamerkan betapa kecil dan lemahnya mereka. Tetapi Singapura bijak mengatasi stigma tersebut dengan mengolah ungkapan penghinaan kepada salah satu program HANRUH Singapura yang memberi gambaran bahawa memang benar Singapura hanyalah 'titik merah kecil' tetapi akan menjadi satu entiti yang kuat jika mereka semua bersatu.

Konsep HANRUH yang diamalkan oleh Singapura ini amat bertepatan dengan doktrin pemerintahan Singapura yang mengutamakan strategi pertahanan yang mencakupi segala aspek kehidupan rakyat mereka. Dengan mengamalkan konsep sedemikian rupa, adalah amat mudah bagi pemimpin Singapura melaksanakan dasar dengan menghadapi kekangan yang paling minimum. Ini adalah kerana setiap dasar

Rakyat Singapura tidak begitu mengendahkan 'gelaran kiasu' yang dilemparkan kerana sifat sebegini amat bertepatan dengan strategi HANRUH Singapura

yang digubal memberi persepsi kepada rakyat mereka bahawa pelaksanaan dasar tersebut berlandaskan kepada kepentingan kemerdekaan dan kedaulatan negara mereka.

Malaysia juga sepatutnya mengamalkan strategi HANRUH tetapi tidak perlu mengikut acuan Singapura kerana republik tersebut mempunyai agenda yang begitu berbeza dengan Malaysia. Walaupun Malaysia tidak menghadapi masalah keselamatan atau pertahanan yang dianggap kritikal, tetapi strategi HANRUH sebenarnya adalah lebih efektif diamalkan ketika masa aman berbanding dengan waktu darurat.

Masanya telah tiba untuk negara melaksanakan HANRUH ala Malaysia kerana setiap waktu yang berlalu tanpa strategi HANRUH yang konkrit akan merugikan negara. Memandangkan pengamalan strategi HANRUH adalah salah satu daripada tiang doktrin pertahanan negara, maka sewajarnya HANRUH Malaysia dilaksanakan tanpa lengah lagi.

□ PROF. Madya Azmi Hassan ialah Pengarah Pusat Dasar Teknologi & Kajian Antarabangsa (CENTEPIS), Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
AZMI HASSAN
PERDANA